

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 42

Satya ialah seorang doktor yang menjalankan sebuah klinik perubatan di Alma Bukit Mertajam. Baki-baki akaun pada 31 Januari 2017 adalah seperti berikut:

	RM
Premis klinik	82,000
Kelengkapan	12,500
Perabot	8,100
Inventori ubat-ubatan	5,800
Inventori bekalan rawatan	600
Tunai	800
Bank	9,200
Akaun belum bayar	10,800

Urus-urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan Februari 2017:

Tarikh	Urus niaga
2017	
Februari 1	Bayaran untuk bil elektrik dan air secara tunai RM260.
3	Belian ubat-ubatan secara kredit dari Astra Pharma sebanyak RM820.
4	Hasil perkhidmatan yang dibankkan RM1,340. Jualan ubat-ubatan sebanyak RM610 dibankkan. Kos ubat-ubatan ini ialah RM250.
8	Membayar upah pembersih premis klinik sebanyak RM250 secara tunai.
9	Membayar akaun belum bayar secara cek RM580.
12	Hasil perkhidmatan yang dibankkan RM4,720. Jualan ubat-ubatan yang berkos RM1,200 pada harga RM2,800. Satu perempat daripada jumlah jualan ubat-ubatan tidak dibankkan.
15	Doktor Satya telah mengeluarkan ubat-ubatan bernilai RM60 untuk merawat ahli keluarganya yang sakit.
18	Doktor Satya telah mengeluarkan cek RM800 untuk kegunaan peribadinya.
20	Hasil perkhidmatan yang dibankkan RM4,300. Jualan ubat-ubatan berjumlah RM2,100 bagi kos ubatan RM920. Wang jualan ubat-ubatan ini telah digunakan oleh Doktor Satya untuk perbelanjaan sendiri.
23	Cek dikeluarkan untuk membayar akaun belum bayar ubat-ubatan sebanyak RM2,500.
28	Hasil perkhidmatan sebanyak RM5,200 telah digunakan untuk membayar: Gaji pembantu klinik RM1,800 Upah membaiki kelengkapan RM 600 Insurans klinik RM1,200 Bakinya telah dibankkan.
28	Jualan ubat-ubatan sebanyak RM1,800 telah dibankkan. Kos jualan ini ialah RM1,000.
28	Stok bekalan rawatan telah dinilai sebanyak RM40 pada akhir bulan ini.

Dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang diberikan di bawah dengan merekodkan semua urusaniaga di atas.

	Aset bukan semasa	Inventori ubat- ubatan	Inventori bekalan rawatan	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
2017	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada Februari 1								
1								
3								
4								
8								
9								
12								
15								
18								
20								
23								
28								
28								
28								
Baki pada Februari 28								

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 28 Februari 2017 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.